

Menyemai kesedaran kepada petani

AMARAN Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Kerajaan akan mengambil tindakan keras terhadap sesiapa yang bertanggungjawab terhadap tunjuk perasan petani di Alor Setar Rabu lalu tentulah tidak akan meninggalkan sebarang kesan sekiranya mereka tidak disedarkan tentang betapa tidak menasabahnya tindakan secara demikian. Mereka juga tidak akan menghargai perbelanjaan besar yang dicurahkan Kerajaan kepada mereka selagi penerangan yang jelas tidak diberikan mengenai usaha-usaha yang dijalankan bagi membaiki kehidupan dan masa depan mereka. Dari apa yang tersirat dalam kenyataan beberapa pemimpin mengenai peristiwa tersebut, di sinilah letak kelemahannya, iaitu berlaku jurang perhubungan yang ternganga sehingga ketidaksedaran para petani itu dengan mudah dapat diperalatkan oleh anasir-anasir yang mempunyai kepentingan tersendiri.

Setiausaha Agung UMNO Senator Datuk Haji Mustapha Jabar dalam kenyataannya menyeru para pemimpin UMNO supaya memberi penerangan yang seluas-luasnya mengenai subsidi harga padi melalui kupon itu supaya petani-petani dapat memahami apakah faedah sebenar yang menanti mereka di masa depan dan apakah pula maknanya subsidi tersebut bagi kepentingan seluruh rakyat negara ini. Hakikat ini adalah benar bagi lain-lain rancangan Kerajaan. Menyediakan rancangan dan memberi bantuan adalah suatu perkara. Mengharap supaya rakyat memahami faedah rancangan dan bantuan tersebut, adalah perkara lain. Sekiranya fahaman itu tidak, atau tidak berjaya, disampaikan, matlamat sebenar rancangan dan bantuan itu juga tidak berapa tercapai.

Jika jurang perhubungan demikian boleh membawa akibat yang buruk di Kedah, tidak mustahil ia boleh membawa gejala yang sama juga di lain-lain negeri. Kerana itu adalah menjadi tanggungjawab semua pihak yang terlibat, sama ada pemimpin-pemimpin parti anggota Barisan Nasional setempat mahupun kakitangan Kerajaan yang bersangkutan dengannya, untuk menggerakkan tenaga dengan pantas, teratur dan halus memberi penerangan atau bertindak terhadap sesuatu isu yang timbul. Lagi satu isu yang boleh membawa akibat buruk ialah dakwaan pekebun-pekebun kecil dan petani bahawa baja yang dibekalkan kepada mereka bercampur pasir. Menafikan dakwaan itu, ataupun menolaknya sebagai khabar-khabar angin saja, tidak akan menyelesaikan masalah. Dalam masa tiada isu lain yang boleh digunakan untuk memburukkan Kerajaan seperti sekarang, jurang perhubungan inilah yang akan menjadi senjata merbahaya anasir-anasir tidak bertanggungjawab.